

## 22 Mei sebutan lanjut kes lelaki mengaku tuduhan miliki syabu

**MIRI:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menetapkan 22 Mei depan untuk sebutan lanjut kes seorang pemuda yang mengaku bersalah atas tuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Sementara itu, tertuduh diperintahkan supaya dibebaskan dengan jaminan RM2,000 berserta dua penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Majistret Ashok Linggam setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Asyawi Ghazali yang memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk sebutan lanjut sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes siap.

Maxwell Linggi, 23, dari Bakong telah didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah

Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati

memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.10 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung di dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 2 petang, 7 April lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.